

Pandangan Pakar Terhadap Penentu Pemilihan Bank Menurut Muslim Ideal: Perspektif Intrinsik

¹AHMAD AZRIN ADNAN

ABSTRACT

Experts' Views on the Bank Choice Determinants According to the Ideal Muslims: Intrinsic Perspective

Until now, a comprehensif and practical guide on muamalat procedures in banking transaction is still limited. This article attempts to discuss the intrinsic construct of the bank choice determinants according to the ideal Muslim. A group of experts who are among the religious figures, practitioners, consultants and academicians were interviewed. Comments were recorded, collated and themes extracted using grounded theory. Four themes emerged, namely halal and haram deliberation, quality consumption, return of maslahah and capability-based consumption.

Keywords: banking, consumer behavior, intrinsic motivation, Muslim, religiosity

Landskap kewangan masa kini telah mengalami transformasi yang pelbagai akibat daripada munculnya dasar-dasar baharu berkaitan globalisasi dan liberalisasi kewangan global. Persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, kecanggihan teknologi komunikasi maklumat, pengukuhan hubungan antarabangsa dan trend pasaran yang lebih besar terhadap orientasi dan inovasi kewangan juga turut menyumbang kepada keadaan ini. Landskap kewangan yang terhasil ini jelasnya menjadi semakin kompleks dan mencabar. Apatah lagi dengan peningkatan permintaan dan kehendak pengguna yang semakin arif serta aktif seiring dengan perubahan sosio demografi pengguna.

Aspek pengguna ini merupakan salah satu faktor yang mampu mencorakkan landskap kewangan masa hadapan (Zeti Akhtar 2011). Pengguna dilihat semakin bijak dalam menilai kepelbagaian, kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak institusi kewangan. Pengguna kini juga sudah semakin memahami hak-hak mereka sebagai seorang pengguna. Pendidikan kepenggunaan yang komprehensif dan berterusan diakui telah memainkan peranan yang cukup signifikan kepada ketepatan keputusan kewangan oleh pengguna.

Di sebalik kedudukan ini, salah faham terhadap perbankan Islam di Malaysia masih lagi kedengaran dalam kalangan pengguna walhal aspek pendidikan kepenggunaan merupakan salah satu teras penting dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) pertama. Isu ini membawa kepada persoalan tentang setakat manakah tuntasnya aspek pendidikan kepenggunaan khususnya kepada pengguna Muslim? Apatah lagi aspek kepenggunaan tidak mempunyai asas literatur yang jelas dalam kitab-kitab fiqh klasik (Mahmood Zuhdi 2011; Rahimin Affandi, et.al. 2011). Sehingga kini tidak ditemui satu garis panduan yang lengkap, mudah dan praktikal tentang tatacara bermuamalat dalam urusan perbankan. Walau bagaimanapun, penulisan tentang tatacara bermuamalat dalam urusan perbankan dan kewangan tidaklah bersifat baharu dan telah banyak dilakukan oleh para sarjana Muslim termasuk juga bukan Muslim. Namun, perbincangan tentangnya dilihat terpisah dan tidak disatukan dalam satu model konsep.

Jika tatacara (tatacara yang dimaksudkan di sini ialah 'Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti') telah wujud dalam segmen 'Pasaran Kewangan Islam' untuk panduan para pelabur, kenapa tidak diwujudkan perkara yang sama

¹ **Ahmad Azrin Adnan**, Ph.D., Senior Lecturer at the Department of Finance and Banking, Faculty of Business Management and Accountancy, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, 21300 KUALA TERENGGANU, Terengganu, Malaysia. Email: ahmazrin@gmail.com.

dalam segmen 'Perbankan Islam' untuk panduan para pengguna perbankan? Artikel ini cuba menanggapi permasalahan ini dengan membincangkan faktor rangsangan dalaman atau motivasi intrinsik menurut Islam apabila memilih bank. Untuk tujuan tersebut, perbincangan artikel ini terbahagi kepada tiga perkara. Perkara pertama akan membincangkan konsep motivasi intrinsik dan hukum berinteraksi dengan bank menurut syarak. Perkara kedua pula akan memperincikan metodologi yang terlibat. Dalam perkara ketiga pula akan menganalisis pandangan sekumpulan pakar dalam bidang kewangan Islam tentang faktor rangsangan dalaman individu atau konstruk intrinsik bagi Penentu Pemilihan Bank Menurut Muslim Ideal (PPBMMI). Ia sekali gus membentuk tema-tema penting yang mewakili konstruk intrinsik PPBMMI.

Konsep Motivasi Intrinsik

Konsep motivasi diakui kerap dibincangkan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan (Pintrich 2003; Broussard & Garrison 2004; Guay *et al.* 2010; Liu *et al.* 2013), pengurusan sumber manusia (Ajila 1997; Furnham, *et al.* & Ferrari 1999; Kanfer & Ackerman 2000; Mohsan, Nawaz and Khan 2012), dan gelagat pengguna (Bargh 2002; Beerli, *et al.* 2004). Daripada pelbagai definisi sedia ada, motivasi difahami sebagai sesuatu desakan atau perangsang yang mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku atau gelagat dalam usaha mendapatkan sesuatu matlamat (Atkinson 1964; Maslow 1970; McClelland 1985; Stipek 1996; Schiffman & Kanuk 2004). Memandangkan motivasi timbul akibat keperluan fisiologi dan psikologi, setiap gelagat yang terbentuk dirangsang oleh dua jenis motivasi, iaitu motivasi intrinsik (wujud daripada rangsangan dalaman) dan motivasi ekstrinsik (wujud daripada rangsangan luaran) (Raffini 1996; Deci *et al.* 2001). Semakin kuat keinginan seseorang itu untuk mencapai sesuatu matlamat yang ditetapkan, semakin tinggilah sikapnya terhadap sesuatu gelagat. Ini bermakna sikap berkadar terus dengan tahap keinginan seperti yang terbukti secara empirikal oleh ramai pengkaji seperti Davis *et al.* (1989), Mathieson (1991), Taylor & Todd (1995), Rhodes & Courneya (2003), Shih & Fang (2004), Ramayah *et al.* (2003, 2005), Ramayah & Mohd Suki (2006) dan Fauziah *et al.* (2008).

Motivasi intrinsik wujud daripada rangsangan dalaman seseorang (Bruner 1966; Tengku Sarina Aini & Fadillah 2007). Ia mampu mendorong individu untuk melakukan sesuatu tanpa mengharap ataupun meminta ganjaran. Pada prinsipnya bukan semua motivasi intrinsik diwujudkan secara semula jadi. Ia boleh sahaja terbina daripada suasana pembelajaran dan pengalaman yang membawa kepuasan. Terdapat pelbagai bentuk rangsangan dalam konteks motivasi intrinsik. Harter (1981) misalnya mengetengahkan lima dimensi kecenderungan motivasi intrinsik iaitu cabaran, insentif melakukan sesuatu untuk memuaskan minat, sifat ingin tahu, percubaan penguasaan yang bebas dan kriteria dalaman untuk kejayaan. Oleh sebab itu, motivasi intrinsik dapat diterangkan sebagai suatu keadaan psikologi yang terjadi apabila individu menganggap diri mereka berkebolehan dan dapat menentukan sesuatu dengan sendiri (Deci 1975). Sekiranya peluang untuk melakukan sesuatu diberikan kepada individu yang mempunyai persepsi kebolehan diri yang rendah, dia tidak mampu memanfaatkan peluang itu untuk kebaikan dirinya (Spaulding 1992).

Dalam konteks Islam, Muhammad Ustman (2008) mengupas tentang motivasi tingkah laku menurut perspektif hadis. Beliau berpendapat bahawa kepelbagaian keperluan hidup manusia dapat dikelompokkan kepada dua jenis keperluan utama. Pertama, keperluan untuk kelangsungan hidup dan keturunan (motivasi fisiologi). Kedua, keperluan untuk mencapai ketenangan jiwa dan kebahagiaan hidup (motivasi jasmani dan rohani). Keperluan kedua inilah yang membezakan manusia dengan haiwan. Menurut beliau lagi, tidak sedikit teks hadis yang menyentuh mengenai kedua-dua jenis keperluan ini. Beliau merumuskan bahawa bagi motivasi fisiologi, ia terbahagi kepada dua jenis. Pertama, motivasi menjaga kewujudan diri sama ada dari segi makanan, tempat tinggal, keselamatan ataupun terhindar daripada penyakit. Kedua, motivasi menjaga kelangsungan jenis sama ada aspek seksual ataupun keibuan. Bagi motivasi jasmani dan rohani pula, ia terdiri daripada tiga jenis iaitu motivasi beragama, motivasi bersaing dan motivasi memiliki.

Sesuatu gelagat itu didorong oleh niat yang ikhlas bertunjangan iman, Islam dan ihsan. Niat yang ikhlas di sini bermaksud segala tindakan yang dilakukan tidak lain dan tidak bukan hanya bermatlamatkan mencari keredhaan Allah s.w.t. Hal ini digambarkan dengan jelas melalui sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Diriwayatkan daripada Umar al-Khattab r.a. katanya: Rasulullah bersabda s.a.w.: "Segala amalan adalah dengan niat dan untuk seseorang itu apa yang diniatkan. Siapa yang berhijrah (berpindah) kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Siapa yang berhijrah untuk mendapat dunia atau mengahwini perempuan, maka hijrahnya juga kepada apa yang dia berhijrah kepadanya". (Ibn Hajar, 1989)

Ini bermakna segala amalan adalah berasaskan niatnya². Amal ibadat yang dilakukan tanpa niat adalah tidak sah di sisi Islam. Justeru, seseorang yang melakukan suatu amalan dengan niat yang ikhlas akan diberi ganjaran oleh Allah. Begitulah juga sebaliknya yang melakukan sesuatu tanpa niat yang baik.

Setiap tindakan yang dilakukan ini dihubungkan dengan agama yang terbentuk daripada tiga unsur iaitu iman, Islam dan ihsan. Perkara ini dikupas secara terperinci oleh Imam al-Ghazali di dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* dengan menegaskan bahawa manusia terbahagi kepada tiga dimensi, iaitu dimensi kebendaan, dimensi kehaiwan, dan dimensi kemanusiaan. Dalam tiga dimensi itu, struktur jiwa manusia terdiri daripada *al-qalb*, *al-ruh*, *al-nafs* dan *al-'aql*. Unsur yang empat ini menjurus kepada satu makna iaitu *latifah* atau *al-ruh al-rabbaniyyah* yang merupakan intipati manusia yang memiliki daya cerap, mengetahui dan mengenal sekaligus menjadi objek pertanggungjawaban di atas segala perbuatan yang dilakukannya.

Beliau turut mengetengahkan konsep *junud al-qalb* sebagai unsur motivasi. Dalam hal ini, sesuatu gelagat terjadi kerana peranan *junud al-qalb* atau tentera hati. Beliau selanjutnya mendedahkan bahawa dalam diri manusia terdapat dua kelompok *junud al-qalb*. Pertama ialah yang bersifat fizikal seperti anggota tubuh badan yang berperanan sebagai alat. Kedua pula ialah yang bersifat rohani meliputi dua unsur, iaitu syahwat dan *ghalab* yang berfungsi sebagai pendorong (*iradah*). Syahwat mendorong untuk melakukan sesuatu (motif mendekat) dan *ghalab* mendorong untuk menghindari sesuatu (motif menjauh). Apa pun gelagat yang ditonjolkan, matlamatnya adalah untuk sampai kepada Allah s.w.t. setelah melalui hirarki motivasi *ammarah* (hedonistik), motivasi *lawwamah* (skeptik), dan motivasi *mutma'innah* (spiritualistik). Dengan kata lain, motivasi intrinsik merupakan asas semulajadi yang hakiki bersandarkan keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Ia lahir dari dalam hati manusia yang menyebabkan item agama tertonjol secara jelas. Pemahaman tentang hal ini bersandarkan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan. (Surah al-Ma'idah, 5:2)

Dalil nas di atas telah memberikan satu garis sempadan dalam melaksanakan sesuatu urusan termasuk memilih bank. Setiap penentu intrinsik tidak akan terlepas daripada mengaitkannya dengan pertimbangan nilai yang berpandukan al-Quran dan hadis.

² Salah satu daripada lima kaedah fiqh adalah "setiap perkara itu adalah bergantung kepada niatnya". Wan Mohd Yusof (1999) yang memetik kupasan al-Suyuti mendapati bahawa Imam al-Syafi'i, Ahmad ibn Hambal, Ibn Mahdiy dan lain-lain telah bersepakat bahawa kaedah di atas merupakan satu pertiga daripada ilmu. Keumuman ini boleh dilihat melalui penelitian kepada permasalahan-permasalahan fiqh berhubung dengan niat yang boleh didapati berselerakan dalam pelbagai kitab fiqh. Dalam bab muamalat misalnya, hukum yang berentetan akibat perbuatan memberi sesuatu barang kepada orang lain tidak dapat dijelaskan kecuali diketahui niat pemberi; adakah ia hutang, sewa, hadiah atau bentuk yang lain.

Hukum Berinteraksi dengan Bank Menurut Perspektif Islam

Manusia diberi kemudahan oleh Allah s.w.t. untuk memanfaatkan setiap inci alam selagi mana ia) tidak dilarang secara khusus (Surah al-Baqarah, 2:168 & 2:172; Surah al-Anfal, 8:69); tidak digunakan untuk tujuan yang salah (Surah al-Ma'idah, 5:87; Surah al-Tahrim, 66:1); tidak memberikan kesan yang memudaratkan diri mahupun orang lain (Surah al-Baqarah, 2:195; Surah al-Nisa', 4:29), dan; tidak digunakan secara berlebih-lebihan (Surah Bani Isra'il, 17:26-27 & 17:29; Surah al-Furqan, 25:67; Surah al-A'raf, 7:31).

Dalam konteks membincangkan hukum berinteraksi dengan bank, ia perlu dibatasi dengan premis di atas. Institusi perbankan adalah sebuah mekanisme yang diwujudkan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan peradaban semasa. Ia umpama sebuah pisau yang boleh disandarkan penggunaannya kepada perkara yang diharuskan mahupun ditegah. Ini kerana tidak dapat dikesan sebarang dalil khusus yang menegah berinteraksi dengannya. Justeru hukum berinteraksi dengan bank dari sudut teori perlu merujuk kepada satu kaedah fiqh yang bermaksud: *Asal am pada setiap sesuatu adalah harus*. Namun dari sudut praktisnya, hukum berinteraksi boleh sahaja berubah-ubah. Contohnya seperti keadaan berikut:

- i. Harus sekiranya bank tersebut beroperasi secara Islam dan menggunakan sumber kewangan yang ada pada tempat-tempat yang diharuskan. Ini dapat diketahui dengan pengiktirafan badan-badan kawalan syarak yang berwajib. Begitu juga harus berinteraksi dengan bank yang berasaskan riba pada sesebuah tempat yang tidak wujud sistem perbankan Islam, sedangkan seseorang individu perlu menggunakan khidmat institusi perbankan untuk urusan gaji dan sebagainya.
- ii. Haram sekiranya bank tersebut beroperasi secara riba atau melaburkan sumber kewangan pada tempat yang diharamkan.
- iii. Wajib sekiranya ia adalah keperluan yang tidak dapat dielakkan berdasarkan tuntutan semasa. Sebagai contoh membuka akaun bank untuk urusan gaji dan perniagaan. Hukum ini disabitkan berdasarkan satu kaedah fiqh yang bermaksud: "*Sesuatu perkara yang tidak akan sempurna sesuatu kewajiban kecuali dengannya maka perkara tersebut menjadi wajib*".

Perihal halalnya berinteraksi dengan institusi perbankan Islam ini telah dijelaskan oleh beberapa sarjana Muslim kontemporari misalnya Fazlur Rahman (1985), Wahbah al-Zuhaili (1986) dan Yusuf al-Qaradhawi (1998). Sebagai contoh, Yusuf al-Qaradhawi (1998) pernah menyebut:

Tidak syak lagi, berinteraksi dengan institusi perbankan Islam adalah halal. Bahkan kita dituntut mendokongnya. Kita telah mengimpikan kewujudan institusi perbankan Islam sejak dahulu lagi walaupun ia sering diremehkan oleh penentang-penentang kepada kewujudan mekanisme alternatif yang Islamik. Mereka berkata: "Jangan impikan sesuatu yang mustahil. Tiada negara tanpa ekonomi, tiada ekonomi tanpa bank. Tiada bank tanpa riba". Namun impian itu telah menjadi realiti. Realiti yang menenangkan hati setiap muslim. Oleh itu, saya menegaskan bahawa menyimpan harta di institusi perbankan adalah halal. Ini memandangkan institusi-institusi ini diawasi lembaga pemantauan syarak.

Majma' Fatwa al-Islami juga turut menetapkan bahawa:

Wajib ke atas seluruh Muslim menghindari riba yang ditegah oleh Allah. Samada dalam bentuk memberi, mengambil atau membantu dalam apa bentuk pun supaya ia terselamat dari azab Allah dan tidak dicanangkan sebagai musuh yang diperangi Allah. Pihak majlis melihat secara positif akan penubuhan institusi-institusi perbankan Islam. Ia adalah alternatif kepada institusi perbankan berteraskan riba. Institusi perbankan yang dianggap Islam ialah mana-mana institusi yang menetapkan bahawa keseluruhan operasinya akan sentiasa patuh kepada garis panduan dan hukum syarak. Pengurusannya pula sentiasa patuh kepada pemantauan lembaga pemantauan Syariah

yang ditubuhkan. Pihak majlis menggesa agar seluruh umat Islam mendokong intitusi-institusi ini tanpa menghiraukan sebarang desas-desus yang cuba memberikan gambaran buruk terhadapnya. Bahkan majlis berpendapat institusi-institusi sebegini perlu diperluaskan lagi keseluruh ceruk rantau yang didiami umat Islam sehingga terbinanya satu jaringan yang kukuh. Bersedia untuk menggerakkan satu jaringan ekonomi Islam yang saling bantu membantu.

Oleh yang demikian, apabila seseorang Muslim mempunyai kemudahan untuk berinteraksi dengan intitusi perbankan Islam adalah haram baginya berinteraksi dengan insituti perbankan berteraskan riba. Tiada keuzuran baginya untuk berbuat demikian setelah berpeluang menggunakan alternatif yang dibenarkan oleh syarak.

Metodologi

Sepuluh orang pakar dalam bidang kewangan Islam telah ditemu bual secara bersemuka (*face-to-face interview*) melalui temu bual separa berstruktur (*semi-structured interview*). Ia diharapkan dapat memastikan ketepatan model konsep PPBMMI. Data kualitatif temu bual inilah yang dianalisis secara induktif dan dijadikan asas untuk mengenal pasti tema-tema utama bagi konstruk intrinsik individu Muslim. Untuk tujuan tersebut, setiap responden telah diminta untuk menyemak, memberi pandangan dan cadangan tentang kandungan instrumen serta bahasa. Dengan kata lain, mereka membuat pengesahan kepada setiap penentu dan item yang diketengahkan. Maklum balas daripada responden ini menjurus kepada penyingkiran, penambahan dan pengubahsuaian bagi setiap penentu dan item yang telah dikenal pasti.

Penentu Intrinsik Bagi Pemilihan Bank Menurut Muslim Ideal

Hasil daripada perbincangan sekumpulan pakar³ dalam bidang kewangan Islam, terbentuk empat tema penting yang mewakili konstruk intrinsik dalam PPBMMI. Tema-tema ini perbincangan, halal dan haram; penggunaan kualiti; pulangan masalah, dan; penggunaan berasaskan kemampuan.

Penentu Pertama: Pertimbangan Halal dan Haram (PHH)

Penentu pertama ini telah diperincikan kepada empat item, iaitu riba dalam produk simpanan; riba dalam produk pinjaman perumahan; perbezaan ciri-ciri kemudahan perbankan Islam dan konvensional, dan; unsur syubhat dalam kemudahan perbankan. Kesemua ini telah dimajukan kepada responden untuk diperbahaskan. PHH jelas sekali disepakati kesemua responden sebagai penentu utama sesuatu penggunaan bagi setiap pengguna Muslim. Ia dapat dirumuskan kepada empat perkara berikut. Pertama, apa jua urusan duniawi sepatutnya didorong oleh akidah Islam yang menjadi dasar dan tunjang kepada setiap gerak-geri dan aspek kehidupan manusia. Dengan kata lain, akidahlah yang mengawal setiap tingkah laku dan gelagat manusia dengan merasakan dirinya sentiasa diawasi oleh Allah s.w.t. sebagaimana kupasan Imam al-Ghazali (2007). Menurut beliau yang memetik kata-kata Sahal al-Tasturi, ada empat syarat yang menjadi penentu untuk mencapai keimanan yang hakiki iaitu menunaikan segala fardunya dengan diiringi segala yang sunat, memakan yang halal dengan penuh kewarakan, menjauhi segala larangan Allah dan bersabar dalam keadaan serupa itu sehingga ke akhir hayat. Keempat-

³ Kesemua nama responden dan organisasi yang terlibat tidak dipaparkan dalam artikel ini untuk memelihara hak peribadi dan maruah responden serta menjaga keselamatan data. Walau bagaimanapun, maklumat berkaitan tarikh, tempat dan masa temu bual dijalankan bagi setiap petikan ada dinyatakan. Begitu juga dengan senarai temu bual yang dimuatkan dalam bahagian rujukan.

empat syarat ini tidak akan mampu dilaksanakan sekiranya tidak memiliki sistem kawalan dalaman yang kuat⁴ (Nik Abdul Aziz 2008).

Selain itu, prinsip halal dan haram itu sangat menitikberatkan pelaksanaan muamalat Islam bagi setiap individu Muslim. Biarpun terdapat perbezaan pengertian tentang halal dan haram dalam kalangan ulama, ia tidak menafikan prinsip umum bahawa segala sesuatu yang ada di muka bumi ini adalah harus hukumnya bersandarkan nas al-Quran yang bermaksud:

Dialah yang telah menciptakan untuk kamu segala sesuatu di bumi. (Surah al-Baqarah, 2:29)

Dalil nas di atas mempamerkan betapa banyaknya perkara yang halal berbanding perkara yang haram, meskipun tidak sedikit bilangan perkara yang berada di antara kedua-duanya, iaitu syubhat. Hal ini dijelaskan oleh salah seorang tokoh agama dengan berkata begini:

Banyak minuman halal yang boleh diminum, hanya arak haram. Hadiah, upah boleh, cuma judi tak boleh. Kalau zina tu haram, kahwin diharuskan dan ada ketikanya diwajibkan. Kalau tilik nasib tu haram, solat istikarah dibenarkan bahkan disunatkan. Babi dan anjing tak boleh kita makan, binatang lain boleh. Maknanya, yang halal tu banyak, yang haram itu kecil sahaja bilangannya. Tapi segelintir manusia cari yang sedikit itu juga. (R1)

Menurut kedua-dua tokoh agama lagi, prinsip halal ini melibatkan dua perkara utama, iaitu kaedah mendapatkannya, dan; zat atau barangan itu sendiri sama ada halal atau haram daripada segi syarak. Dalam hal ini, salah seorang tokoh agama menghubungkan prinsip halal dengan dua konsep utama penggunaan dalam ilmu *usul al-fiqh*. Pertama ialah 'haram disebabkan faktor dalaman' dan kedua ialah 'haram disebabkan faktor luaran'.

Tokoh agama tersebut selanjutnya menegaskan bahawa umat Islam umumnya amat cermat apabila menggunakan apa jua barangan bagi konsep yang pertama (haram disebabkan faktor dalaman), tetapi mengambil mudah terhadap penggunaan barangan bagi konsep yang kedua (haram disebabkan faktor luaran). Lebih malang lagi, terdapat segelintir umat Islam yang menyempitkan maksud konsep yang pertama dengan hanya merujuk kepada perkara berunsur najis. Lantaran itu, golongan ini dilihat amat mementingkan aspek kebersihan dan kesucian segala jenis barangan yang digunakan tetapi dalam masa yang sama bermuamalah dengan kemudahan perbankan yang berunsurkan riba. Realiti ini diakui oleh kedua-dua pengamal dan salah seorang pengamal yang menunjukkan betapa ramai lagi pengguna Muslim yang masih bergelumang dengan sistem perbankan konvensional.

Di samping itu, aspek syubhat tidak boleh dipandang ringan agar tidak terjerumus ke dalam perkara yang haram. Hal ini mempamerkan betapa Islam sangat prihatin terhadap sikap berhati-hati dalam sesuatu penggunaan. Ia bertujuan menutup dan mencegah segala ruang daripada terjadinya perkara yang boleh merosakkan hubungan antara manusia dan Penciptanya. Perkara ketiga ini dipersetujui oleh kesemua responden, lebih-lebih lagi kedua-dua tokoh agama dengan bersandarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi bermaksud:

Halal itu jelas, haram juga jelas dan di antara kedua-duanya ada perkara-perkara yang syubhat; ramai manusia yang tidak tahu sama ada dia berasal daripada barangan yang halal atau barangan yang haram. Sesiapa yang meninggalkannya, bererti dia telah berusaha membersihkan agama dan kehormatannya, maka dia akan selamat. Dan sesiapa yang terjatuh ke dalam sesuatu daripadanya, maka sebentar lagi dia pun akan

⁴ Nik Abdul Aziz (2008) mengutarakan dua kaedah utama yang menjadi sistem kawalan yang paling berkesan untuk mendidik hati manusia agar tidak melintasi pagar-pagar peraturan (syariat). Pertama ialah umat Islam diajar agar mengaku dan menyedari bahawa Allah sentiasa memerhatikan hambahambanya pada setiap detik. Kedua pula ialah umat Islam diajar agar beriman dengan hari akhirat yang menjadi tempat perhitungan segala amal perbuatan yang dilakukan di dunia.

terjerumus ke dalam sesuatu yang haram sebagaimana halnya seorang yang menggembala di sekitar tanah larangan [iaitu suatu kawasan terbatas milik raja untuk menggembalakan ternakannya sahaja dan melarang ternak orang lain untuk mengambil sesuatu daripada tanah larangan tersebut] sebentar lagi dia akan jatuh ke dalamnya. Ingatlah, setiap raja memiliki tanah larangan. Ingatlah, bahawa tanah larangan Allah adalah keharaman-keharamannya. (al-Mubarakfuri t.th.)

Dalam konteks industri perbankan Islam di Malaysia, penawaran kemudahan perbankan Islam yang berstatus syubhat sama sekali tidak berlaku, apatah lagi kemudahan yang berstatus haram. Sama ada di pihak penasihat syariah dalaman bank atau Majlis Penasihat Syariah (MPS) sesebuah bank atau MPS BNM (Bank Negara Malaysia), segala rukun dan syarat sah jual beli telah diteliti dan diperhalusi agar tidak terjadi pelanggaran syarak. Justeru bagi masyarakat awam, mereka boleh bergantung sepenuhnya dengan segala ketetapan yang telah diputuskan oleh pihak jawatankuasa syariah. Hal ini ditegaskan oleh salah seorang perunding yang juga merupakan Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah di salah sebuah IPI (Institut Perbankan Islam) dengan menyebut begini:

Bagi orang awam memadailah dengan pandangan atau kelulusan yang telah diketengahkan oleh badan-badan yang berautoriti. (C1)

Pandangan ini selari menurut salah seorang tokoh agama yang pernah dilantik sebagai Pengerusi MPS BNM dan kini masih menganggotai MPS BNM dengan berkata begini:

Bagi orang awam hendaklah berpegang kepada keputusan yang telah diputuskan oleh badan berwajib seperti Majlis Fatwa Kebangsaan. Bagi para ulama dan pakar Syariah perbankan Islam yang mahir dalam ilmu usul al-fiqh, maqasid shar'iyah dan sebagainya, sudah tentu dia boleh dan mampu menentukan status syubhat itu sama ada mirip kepada yang haram atau yang halal. Ertinya, bagi masyarakat awam sudah memadai perakuan yang diberi oleh BNM kerana MPSnya dianggotai oleh sebahagian besar individu yang mendalami bidang pengajian Islam. (R2)

Perbincangan perkara ini jelasnya bersesuaian dengan kepentingan item syubhat yang dikenal pasti di bawah penentu ini. Kesemua responden juga menimbulkan kepentingan mengaitkan penentu ini dengan item riba yang boleh wujud dalam pelbagai kemudahan perbankan misalnya dalam pinjaman, simpanan atau pelaburan, kad kredit, insurans dan sebagainya. Oleh sebab itu, item ini dicadangkan untuk dikelompokkan kepada beberapa item khusus mengikut jenis kemudahan seperti riba dalam produk simpanan, riba dalam produk pinjaman dan sebagainya. Dengan demikian, kepatuhan pengguna Muslim dalam urusan perbankan dapat diteliti secara menyeluruh.

Daripada perbincangan semua perkara di atas, dapat diperhatikan kesepakatan para responden terhadap kepentingan penentu pertama. Walaupun terdapat salah seorang ahli akademik yang mempersoalkan kesesuaian tema ini dinamakan sebagai Pertimbangan Halal, Haram dan Syubhat (PHHS), ia tidak menafikan prinsip halal dan haram sebagai penapis utama terhadap setiap tindakan. Dalam hal ini, beliau berhujah begini:

Dalam soal melabelkan penentu ini, saya lebih cenderung melabelkannya sebagai 'Pertimbangan Halal dan Haram' sahaja. Soal syubhat, apa yang dimaksudkan dengan syubhat? Bagaimana kita nak masukkan soal syubhat sebagai satu asas pertimbangan? Syubhat adalah satu nilai hukum yang tidak ada apa-apa. Dalam konteks hukum syariah, ia tidak termasuk di dalam hukum syarak. Apa yang dimaksudkan dengan hukum syarak? Ia meliputi harus, wajib, sunat, makruh dan haram. Syubhat ini tidak termasuk dalam hukum yang lima ini. Jadi, bagaimana benda yang tidak termasuk dalam hukum syarak, kita nak jadikan ia sebagai satu kriteria. Yang ada hanyalah halal dan haram. Syubhat ini benda yang harus, benda yang halal. (A1)

Beliau selanjutnya menegaskan bahawa syubhat hanya wujud dalam keadaan tertentu. Ia tidak wujud dengan sendirinya sebagai sesuatu yang halal atau sebaliknya. Menurut beliau, syubhat berasal daripada sesuatu yang halal, cuma kita diperingatkan agar mengambil langkah berhati-hati. Ia berbalik kepada kaedah umum yang dipakai, iaitu '*asal sesuatu perkara itu adalah harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya*'. Berdasarkan kaedah ini, beliau berpendapat keperluan dalil hanya terfokus kepada perkara yang haram, tidak kepada perkara yang halal. Meskipun begitu, beliau tidak menolak peri pentingnya tindakan berhati-hati terhadap perkara yang berunsur syubhat dengan berkata begini:

Walau bagaimanapun, dalam soal syubhat ini bukanlah tak jadi pertimbangan kerana di sana ada satu kaedah lain yang para ulama sebutkan. Halal dan haram ini pertimbangan orang awam. Kalau muqarrabin (orang yang hampir dengan Allah), golongan ini menolak perkara yang meragukan. Contohnya makan. Makan itu harus. Tetapi bagi muqarrabin, sungguhpun harus, mereka tetapkan batas-batas tertentu dalam soal makan. Bagi muqarrabin, sesuatu yang bersifat harus perlu diperhalusi agar natijahnya tidak membawa kepada sebarang kemudaratan. Dengan kata lain, dalam konteks hukum syarak, halal dan haram sahaja (asas hukum syarak). Tetapi bagi orang yang nak jaga akhlak, perkara syubhat ini wajib diperhalusi. (A1)

Pandangan ahli akademik ini bagaimanapun agak sedikit berbeza tetapi tidaklah menimbulkan polemik dengan kedua-dua tokoh agama yang berpendapat kesesuaian tema ini boleh sahaja menggunakan atau tidak menggunakan perkataan 'syubhat'. Paling penting, aspek syubhat itu ditonjolkan sebagai item penting di bawah penentu ini. Daripada perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa penentu intrinsik pertama diwakili oleh empat item iaitu dorongan akidah, kewajipan Muslim dalam pelaksanaan muamalat, riba dalam produk simpanan, riba dalam produk pinjaman serta unsur syubhat dalam kemudahan perbankan.

Penentu Kedua: Penggunaan Berkualiti (PQ)

Penentu kedua ini telah diperincikan kepada empat item iaitu kesucian produk dan perkhidmatan, kualiti perkhidmatan, jual beli dan kaitannya dengan urusan akhirat serta kewajipan menyegerakan hutang. Umumnya, penentu kedua juga meraih keselarian pandangan daripada semua responden tentang ketepatannya sebagai penentu yang ideal dalam konteks penggunaan Islam. Terdapat beberapa item penting ditimbulkan oleh responden bagi menggambarkan penentu kedua ini. Bagi item pertama iaitu kesucian produk dan perkhidmatan, semua responden mengakui bahawa Islam amat menitikberatkan aspek kebersihan lahiriah dan batiniah. Atas dasar itu, persempadanan halal dan haram wajib diperhalusi oleh setiap individu Muslim agar sampai kepada maksud penggunaan yang berkualiti. Walau bagaimanapun, item ini perlu diubahsuai sedikit agar mempamerkan ciri-ciri pengguna, bukan ciri-ciri institusi.

Dalam hal ini, salah seorang tokoh agama dan perunding mencadangkan kemasukan item yang mengaitkan jual beli dengan dosa dan pahala. Ini penting bagi menggambarkan penggunaan yang ideal selari dengan konsep kualiti dan penggunaan Islam. Menurut salah seorang perunding yang juga merupakan mantan Naib Presiden di salah sebuah bank Islamik, kualiti sering dihubung kaitkan dengan keadaan atau bentuk atau situasi yang paling baik, unggul, menepati kehendak yang ditetapkan dan memberi kepuasan kepada semua pihak. Kualiti menurut perspektif Islam harus melangkaui pemahaman sedia ada dengan melihat fungsi asal manusia. Oleh kerana manusia akan diadili di hari akhirat kelak, tentulah aspek dosa dan pahala perlu diberi pertimbangan termasuklah dalam urusan jual beli. Di sinilah terjadinya keputusan untuk hanya memilih kemudahan perbankan Islam.

Bagi item kedua iaitu kualiti perkhidmatan, diketengahkan oleh semua responden dengan menjadikan ungkapan 'halal lagi baik' sebagai hujah bersandarkan nas al-Quran yang bermaksud:

Hai manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu. (Surah al-Baqarah, 2:168)

Ungkapan ini menjadi bukti betapa Islam amat mengutamakan aspek kualiti dalam segenap segi kehidupan termasuk pengendalian urusan perbankan. Afzalur Rahman (1991) misalnya mendapati bahawa Islam menggesa umatnya agar hanya menggunakan barangan yang baik dan suci. Menurut beliau, suci di sini merujuk kepada apa jua benda yang mendatangkan kesenangan dan kegembiraan kepada penggunaanya selagi mana tidak melewati batasan syarak. Inilah juga hujah yang diutarakan oleh salah seorang ahli akademik dengan berkata begini:

Kalau sesuatu benda itu haram tentulah ia tidak berkualiti. Bila seseorang itu hanya menggunakan barang yang halal, secara tidak langsung, ia hanya menggunakan barang yang berkualiti. (A1)

Pandangan di atas turut dipersetujui oleh salah seorang perunding dengan menegaskan begini:

Halal dan *tayyibat* mesti seganding. Dia tak boleh halal sahaja. (C1)

Ini bermakna telah menjadi ketetapan bahawa sesuatu yang halal itu pasti wujud di sana kebaikannya. Begitu juga dengan perkara yang haram, pasti ada rahsia yang wujud di sebaliknya. Dalam hal ini, Yusuf al-Qaradhawi (2009) menjelaskan bahawa seorang Muslim tidak diwajibkan untuk mengkaji kesan negatif berkaitan pengharaman sesuatu. Apa yang boleh dilihat seseorang mungkin tidak terlihat oleh orang lain. Suatu kesan negatif yang tidak difahami pada suatu masa, mungkin boleh diketahui pada masa hadapan. Seorang Muslim hanya wajib mengatakan: "Kami dengar dan kami patuh". Pendapat kedua-dua responden ini bagaimanapun agak sedikit berbeza dengan pendapat salah seorang tokoh agama dengan berhujah begini:

Memang Allah suruh cari yang halal, di samping itu *tayyibat*. *Tayyibat* ini merujuk kepada sesuatu yang baik, bersih. Walau bagaimanapun jika sesuatu benda itu halal tapi tak berkualiti, apakah ia tidak boleh dimakan atau digunakan? Boleh dimakan, boleh digunakan. Cuma kuranglah sikit manfaatnya. Jikalau benda itu makanan, kuranglah daripada sudut khasiatnya. Sebab itu *tayyibat* ni bukanlah sifat yang tidak boleh diceraikan dengan yang halal. *Halalan* mesti. Tapi yang terlebih baik adalah sesuatu yang halal dan *tayyibat*. (R2)

Hujah ini ada benarnya kerana konsep *tayyibat* itu sendiri bersifat relatif berbanding konsep halal yang sememangnya telah lengkap daripada segi pengukurannya. Sungguhpun begitu, kepentingan konsep *tayyibat* tidak boleh dinafikan termasuk dalam urusan perbankan. Apatah lagi kini terdapat pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang memiliki ciri-ciri unik dan menarik. Sebagai contoh, produk simpanan dan pelaburan *al-Awfar* yang ditawarkan oleh BIMB (Bank Islam Malaysia Berhad) tidak hanya memberikan pulangan keuntungan *mudarabah* tetapi juga peluang untuk menerima hadiah wang tunai melalui undian berhadiah. Kenyataan ini disokong oleh salah seorang pengamal dengan berkata:

Why should we go for sub-standard? It is clear in Islam that something which is halal refers to a quality one. That is the meaning of an ideal consumption. (P2)

Sebagaimana item pertama, item kedua juga harus diubahsuai sedikit bagi mempamerkan ciri-ciri pengguna. Salah seorang ahli akademik mencadangkan item belas ihsan ketika berurusan dengan pihak bank. Sering kali item ini hanya dilihat daripada sudut penyedia perkhidmatan. Kurang sekali tumpuan di pihak pengguna.

Selain itu, salah seorang perunding mencadangkan item kedua ini diubahsuai kepada item keadilan di kedua-dua pihak (pengguna dan bank) sekiranya ingin menilai kepatuhan pengguna terhadap penggunaan berkualiti dalam konteks yang lebih luas. Ia secara tidak langsung mencakupi aspek integriti, ihsan dan nilai-nilai murni yang lain. Jelasnya, sama ada di pihak pengeluar atau di pihak pengguna, kedua-duanya harus mengutamakan sesuatu yang tidak hanya berstatus halal tetapi juga berkualiti untuk dimanfaatkan oleh keperluan rohani dan jasmani.

Bagi item ketiga iaitu hubung kait antara jual beli dengan urusan akhirat, sebulat suara dipersetujui oleh semua responden. Sungguhpun begitu, ia boleh diperincikan lagi kepada beberapa item utama sebagaimana pandangan sesetengah responden. Salah seorang tokoh agama misalnya memperincikan item ini kepada lima perkara. Pertama, ia bermula dengan penetapan niat yang baik dan akidah yang benar. Kedua, ia bertujuan melaksanakan fardu kifayah. Ketiga, ia mengingatkan kembali individu Muslim tentang hari perhitungan di Padang Mahsyar. Keempat, ia mendorong sifat istiqamah individu Muslim dalam mengingati Allah. Kelima, ia mendorong sifat 'ihسان' ke dalam diri individu Muslim dengan merasakan diri sentiasa diperhati Allah.

Sifat 'ihسان' ini juga diberi penekanan oleh salah seorang perunding dengan menceritakan pengalaman beliau bersama seorang pelanggan yang tetap setia berurusan dengan IPI pada era 90-an, meskipun lokasi bank agak jauh dari kediaman pelanggan tersebut. Beliau yang sempat bertanya kepada pelanggan tersebut diberitahu bahawa dia didorong oleh perasaan yang sentiasa merasakan diri diawasi oleh Allah s.w.t. pada setiap masa. Justeru, penggunaan kemudahan perbankan konvensional adalah sesuatu yang tidak akan berlaku dalam kehidupannya.

Sesuai dengan suasana pada ketika itu yang masih belum cukup kemudahan dan prasarannya, keterlibatan individu Muslim dalam kemudahan perbankan konvensional pada masa kini adalah sesuatu yang memalukan. Dengan bilangan penyedia perkhidmatan perbankan Islam yang semakin banyak, ditambah pula dengan prosedur perbankan yang semakin dipermudahkan misalnya perbankan atas talian, tiada lagi alasan untuk tidak menggunakan kemudahan perbankan Islam. Perkara inilah yang ditegaskan oleh kedua-dua pengamal.

Salah seorang pengamal turut mengakui bahawa kualiti IPI masih belum di tahap yang terbaik tetapi telah ditingkatkan dari semasa ke semasa. Perubahan yang ketara juga telah dapat dilihat dalam IPI sejak kebelakangan ini. Dalam hal ini, beliau berkata begini:

Kualiti ni banyak makna. Pertama, kualiti perkhidmatan. Kedua, kualiti produk. Kalau dulu mungkin kadar pembiayaan bank Islamik agak mahal, kini agak kompetitif. Jangan bandingkan dari segi bayaran bulanan sahaja, perlu lihat dari pelbagai sudut misalnya tempoh sebenar bayaran bulanan. Kalau dulu tiada *flexibility*, *now* dah ada. Kalau dulu tiada manfaat, *now* ada. Maka ini kualiti yang perlu kita cari. Contohnya, kalau kita ambil satu pembiayaan, kita kena fikir satu kualiti yang kita terima. Bukan setakat bayaran bulanan, ciri-ciri unik sesuatu produk juga penting untuk diperhatikan. Contohnya MRTA. Andainya kita mati, keluarga tidak dibebani dengan hutang yang ditinggalkan. Pada saya, ini satu kualiti. Begitu juga dengan kad kredit. Kad kredit kita belanja sampai puluhan ribu. Barang tu dah tak ada. Kalau rumah tadi, *at least* ada rumah. Kalau kad kredit, apa yang ada, tak ada. So, di situ kena ada juga item takaful *coverage*. Ini perubahan yang berlaku dalam bank Islamik walaupun masih tidak di tahap yang terbaik. (P1)

Dengan kata lain, majoriti responden bersepakat tentang kesesuaian item ini untuk diangkat sebagai penentu yang ideal. Dalam masa yang sama perlu dipertimbangkan beberapa pandangan para responden untuk diperincikan item ini kepada beberapa item utama agar tampak lebih komprehensif.

Bagi item keempat iaitu kewajipan menyegerakan hutang iaitu tidak disepakati responden untuk dijadikan sebagai penentu yang ideal. Hal ini tidak bermakna mereka menolak peri pentingnya kewajipan menyegerakan hutang atau paling tidak membayar hutang. Apatah lagi Islam sangat memandang berat soal ini seperti yang ditegaskan oleh kedua-dua tokoh

agama. Salah seorang tokoh agama mengupas hal ini dengan bersandarkan dalil daripada hadis yang bermaksud:

Maha Suci Allah, kerana Dia menurunkan ancaman yang tegas dalam masalah hutang. Demi Zat yang jiwaku di TanganNya, jika seseorang terbunuh di jalan Allah, kemudian ia dihidupkan kembali lalu mati lagi dan dihidupkan lagi, lantas ia mati, dan ia memiliki hutang, ia tidak akan masuk syurga kecuali jika hutangnya telah dilunaskan. (Riwayat Nasa'i dan dianggap sahih oleh al-Albani)

Beliau selanjutnya mengulas begini:

Beratnya berhutang, kalau kita tak bayar hutang, bila mati, roh kita tak diangkat ke langit walaupun mati syahid. Mengambil satu kisah, satu hari sahabat bertanya kepada Rasulullah, "Apakah jika saya mati syahid, semua dosa saya akan diampunkan oleh Allah?" Jawab baginda "Ya, sekiranya kamu masuk perang itu kerana Allah dan masa kamu dibunuh itu semasa kamu sedang berjuang melainkan kalau kamu tidak ikhlas atau mati semasa cabut lari". Lepas tu habislah. Sekejap Nabi panggil balik sahabat yang bertanya tadi dan diminta mengulangi soalan yang ditanya tadi. Sahabat Nabi mengulangi soalan tadi, "Saya bertanya jika saya masuk perang, kemudian mati syahid, adakah semua dosa saya akan diampunkan oleh Allah?". Lantas dijawab oleh Nabi, "Ya dengan syarat-syarat tadi". Kemudian Nabi menambah, ". . . kecuali jika kamu berhutang". Rupa-rupanya Jibril a.s. baharu datang kepada Nabi dan memberitahu kepada Baginda bahawa jawapan yang diberikan oleh Baginda tadi tidak lengkap. Sebab itulah Nabi bertanya sekali lagi soalan apa yang ditanyakan kepada beliau. Ertinya, walaupun mati syahid, jika ada hutang, kena selesai terlebih dahulu hutangnya baharulah dosa-dosanya akan diampunkan oleh Allah. (R2)

Dengan kata lain, tidak dapat dinafikan betapa hutang adalah suatu kewajipan yang mesti dijelaskan oleh setiap individu Muslim seberapa segera yang mampu sehingga ditunjuk Rasulullah s.a.w. tentang penyelesaiannya. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. mengajarkan satu doa agar minta dilepaskan daripada berhutang sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

"Ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada dosa dan hutang", lalu Baginda ditanya, "Mengapa engkau sering meminta perlindungan daripada hutang, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Jika seseorang berhutang, bila berbicara ia dusta, bila berjanji ia ingkar." (Riwayat al-Bukhari).

Ketidaksesuaian item ini untuk diangkat sebagai penentu yang ideal ada kaitannya dengan kewajipan membayar hutang yang pada prinsipnya bersifat universal. Tidak kira sama ada berhutang dengan IPI ataupun IPK (Institut Perbankan Komersial), hukumnya tetap sama. Ia terpakai kepada mana-mana individu Muslim tanpa mengambil kira keturunan atau status seseorang. Dengan demikian, item ini tidak mampu menjelaskan penggunaan yang ideal khususnya dalam pemilihan antara IPI dan IPK. Justeru para responden mencadangkan item ini disingkirkan daripada keseluruhan senarai penentu.

Daripada perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa penentu intrinsik kedua diwakili oleh empat item iaitu unsur dosa dan pahala, unsur keberkatan dalam kehidupan konsep ihsan, orientasi ibadah serta nilai keadilan kepada pengguna dan bank.

Penentu Ketiga: Pulangan Maslahat (PM)

Penentu ketiga ini telah diperincikan kepada empat item iaitu kemudahan pembiayaan peribadi untuk tujuan membayar hutang lain; budaya berhutang untuk memperolehi sebarang keperluan; amalan menabung berbanding meminjam, dan; pemerolehan kad kredit untuk berbelanja mewah. Penentu intrinsik ketiga ini ditimbulkan oleh hampir semua responden. Ia bertujuan meneliti persepsi pengguna terhadap isu yang menghubungkan sesuatu gelagat penggunaan dengan matlamat syarak atau lebih dikenali sebagai *maqasid shar'iyah*.

Perbincangan konsep masalah ini tertumpu kepada kepentingan umum masyarakat pengguna khususnya pengguna Muslim. Masalah di sini bertujuan memberi manfaat dan menghindari keburukan dalam segenap kehidupan. Berasaskan masalah, sesuatu urusan atau gelagat boleh dihukumkan kepada sah atau batal. Atas sebab itu, majoriti responden bersetuju dengan kepentingan penentu ini dalam konteks penggunaan yang ideal menurut Islam. Ia dapat difahami dalam dua bentuk perbincangan. Pertama ialah tentang konsep 'masalah' dalam penggunaan. Kedua pula ialah tentang budaya berhutang dan kesan relatifnya terhadap kehidupan manusia.

Dalam perkara pertama, ia bertitik tolak dari prinsip umum dalam perundangan Islam yang mengatakan bahawa segala permasalahan hukum sentiasa bersandarkan kepada prinsip masalah (al-Dahlawiy 2001). Dalam aspek penggunaan, sesuatu barangan yang memenuhi kriteria halal dan bermutu tidak semestinya memberikan manfaat kepada seseorang pengguna. Sebagai contoh, apabila seseorang itu berhutang dengan pihak bank, sekalipun produk tersebut adalah jelas menepati syarak tetapi kalau kesannya membawa kepada gaya hidup yang gemarkan kemewahan, ia jelas bertentangan dengan prinsip masalah. Hal ini ditegaskan oleh salah seorang tokoh agama dengan berkata begini:

Daripada segi prinsipnya, Islam tak galakkan umatnya berhutang. Kenapa kita tak digalakkan berhutang? Ini ada hubung kaitnya dengan soal kesan pada kemudian hari sama ada memberi manfaat atau mudarat. (R2)

Pandangan ini turut dikongsi oleh sebahagian besar responden lain, sekali gus membenarkan perbezaan yang wujud antara matlamat penggunaan Islam dengan penggunaan lazim. Menjadi jelas dalam Islam bahawa pengharaman sesuatu disebabkan keburukan dan kerugian yang ada padanya. Atas dasar ini, Yusuf al-Qaradhawi (2009) menyebut begini:

Sesuatu yang merugikan secara mutlak menjadi haram dan sesuatu yang bermanfaat secara mutlak tentunya menjadi halal. Sesuatu yang kerugiannya lebih besar daripada manfaatnya menjadi haram, dan sesuatu yang memberikan sumbangan yang lebih besar menjadi halal.

Melihat kepada kesemua item yang diketengahkan dan mengaitkannya dengan perkara di atas, ternyata ia menonjolkan unsur masalah dalam mana-mana urusan perbankan. Walau bagaimanapun, kewujudan pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan tidak boleh dipersalahkan sebagai punca berlakunya sesuatu kemudaratan ke atas pengguna. Menurut kedua-dua pengamal, segala produk dan perkhidmatan yang wujud dalam pasaran perbankan Islam hanyalah sekadar alat untuk memenuhi sesuatu keperluan manusia. Manusialah yang bertanggungjawab untuk menggerak dan memanfaatkan segala potensi diri agar lebih terdorong untuk melakukan kebaikan dan menghindari keburukan.

Dari satu sudut yang lain, terdapat dua intipati penting perbincangan dalam kalangan responden. Intipati pertama, sungguhpun Islam membenarkan seseorang itu berhutang, ia tidak terpakai dalam semua keadaan. Majoriti responden berpendapat bahawa keperluan berhutang hanya terpakai untuk hal-hal yang mendesak dan tidak digunakan untuk mencapai tujuan yang haram. Lebih jauh dari itu, pengguna Muslim yang ideal akan hanya berhutang setakat jumlah yang diperlukan sahaja untuk memenuhi sesuatu keperluan seperti yang ditegaskan oleh salah seorang pengamal dan salah seorang perunding. Intipati kedua, umat Islam tidak digalakkan berhutang di luar kemampuan kerana ia tidak hanya membawa kemudaratan kepada diri sendiri tetapi juga orang lain. Oleh kerana kemampuan ini berbeza antara satu individu dengan individu yang lain, kesan yang mungkin timbul tentulah juga berbeza. Dengan kata lain, memperbanyakkan hutang tanpa sesuatu tujuan yang munasabah adalah tidak bertepatan dengan falsafah kepenggunaan Islam dan sewajarnya amalan berhutang dijauhi semampu boleh. Inilah yang ditekankan oleh salah seorang tokoh agama dengan berkata begini:

Aktiviti berekonomi ni tujuannya nak sampai kepada masalah, bukannya beri mudarat kepada kita. Kalau bagi kesan baik kepada individu sahaja tetapi memudaratkan orang ramai tak boleh juga. Orang ramai ok, kita tak ok, tak boleh juga. Dua-dua kena timbang secara adil. (R1)

Oleh sebab itu, kesemua item ini seperti yang diutarakan oleh para responden perlu diubahsuai agar mempamerkan ciri-ciri pengguna ideal dalam konteks pemilihan bank. Salah seorang perunding misalnya mencadangkan kemasukan item riba boleh mendatangkan malapetaka yang lebih memperlihatkan perbezaan pemilihan antara IPI dan IPK. Begitu juga dengan item ketiga iaitu amalan menabung berbanding meminjam yang lebih sesuai ditonjolkan sebagai manfaat risiko simpanan atau pelaburan yang dikongsi bersama antara pengguna dan IPI. Salah seorang tokoh agama pula mencadangkan item pulangan keuntungan di dunia dan di akhirat dengan membuat ulasan begini:

Muslim yang ideal ni sentiasa muhasabah tingkah laku dia, apa kesan yang dia boleh dapat atas dunia, apa kesan dia boleh dapat di akhirat. Selamat di dunia, belum tentu selamat di akhirat. Tak selamat di dunia, sudah pasti tak selamat di akhirat. Jadi dia kena pastikan yang selamat di dunia itu benar-benar dapat menyelamatkan dia di akhirat nanti. (R2)

Ini bermakna kesemua item sedia ada perlu mengambil kira manfaat yang boleh terhasil daripada penggunaan kemudahan perbankan Islam dan meneliti kesemuanya daripada sudut pengguna. Daripada perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa penentu intrinsik ketiga diwakili oleh empat item berikut, iaitu (1) pulangan keuntungan dunia dan akhirat, (2) riba mendatangkan malapetaka, (3) manfaat risiko pelaburan yang dikongsi bersama, dan (4) manfaat aktiviti teras IPI.

Penentu Keempat: Penggunaan Mengikut Keutamaan (PU)

Penentu keempat ini telah diperincikan kepada empat item, iaitu (1) antara keutamaan individu dan masyarakat; (2) antara keutamaan *daruriyyat* (-perkara atau barangan yang mesti ada bagi memenuhi keperluan hidup seseorang. Kehidupan manusia akan menjadi tidak sempurna jika tidak memilikinya sehingga boleh membawa kepada kematian. Justeru ia berada pada kedudukan tertinggi dalam senarai matlamat syarak (Mohamad Akram 2009), dan *hajiyyat*, (-perkara atau barangan yang memberi kesempurnaan kepada tahap keperluan asas agar dapat dirasai keselesaan. Kemusnahan hidup tidaklah akan terjadi jika tidak memilikinya sungguhpun natijahnya akan menimbulkan unsur-unsur ketidakselesaan dalam hidup (Sarimah Hanim 2005); (3) antara keutamaan *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* (-perhiasan atau penambahbaikan kepada tahap keselesaan sedia ada. Ia berada pada kedudukan terendah dalam senarai matlamat syarak (Mohamad Akram 2009); dan (4) antara keutamaan *daruriyyat* dan *tahsiniyyat*. Penentu ini difahami responden sebagai cara untuk meneliti persepsi pengguna terhadap isu pemilihan antara dua pilihan penggunaan. Perbincangan tentang kesesuaian penentu ini sebagai PPBMMI telah melahirkan dua bentuk fahaman dalam kalangan responden. Fahaman pertama merupakan kumpulan majoriti yang bersetuju penentu ini diangkat sebagai penentu yang ideal. Fahaman kedua pula ialah kumpulan minoriti yang juga bersetuju penentu ini diangkat sebagai penentu yang ideal tetapi tertakluk kepada individu, keadaan dan masa.

Bagi kumpulan berfahaman pertama, mereka menimbulkan isu hierarki penggunaan atau susunan kehendak terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan. Ia tertakluk kepada kategori mana seseorang pengguna itu berada sama ada sebagai pendeposit, peminjam, pelabur atau pengguna perkhidmatan. Oleh kerana keperluan dan kehendak manusia adalah pelbagai, kedua-dua tokoh agama menegaskan betapa pentingnya setiap pengguna Muslim melakukan pertimbangan di antara pelbagai kemaslahatan. Secara mudahnya mereka berpendapat Islam menuntut umatnya agar mendahulukan perkara-perkara yang berhubung dengan *al-daruriyyat* berbanding *al-hajiyyat* dan *al-tahsiniyyat*. Begitu juga harus mendahulukan *al-hajiyyat*

berbanding *al-tahsiniyyat*. Secara lebih khusus, salah seorang tokoh agama mengutarakan lima kaedah umum yang mampu menentukan darjah keutamaan antara satu sama lain dengan menyebut begini:

Pertama, daruriyyat menjadi pokok kepada *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*. Kedua, kalau tak mampu penuhi perkara *daruriyyat*, ia beri kesan kepada perkara *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*. Ketiga, kalau tak mampu penuhi perkara *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*, ia tidak beri kesan kepada perkara *daruriyyat*. Keempat, kalau terjadi ketidakseimbangan dalam perkara *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*, lama kelamaan akan beri kesan kepada perkara daruriyyat. Kelima, untuk pastikan perkara daruriyyat terpelihara dengan baik, keperluan terhadap perkara *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat* perlu juga diberi perhatian. (R1)

Berdasarkan perkaedahan di atas dapat difahami bahawa perkara yang kurang penting tidak boleh didahulukan ke atas perkara yang penting dan perkara yang penting tidak boleh didahulukan ke atas perkara yang amat penting. Begitu juga dengan perkara-perkara asasi atau cabang, utama atau pelengkap, primer atau sekunder dan sebagainya. Rangka berfikir seperti ini tentu sahaja mampu mendorong pengguna Muslim untuk mempamerkan gelagat yang ideal.

Bagi kumpulan berfahaman kedua pula, mereka berhujah dengan mengatakan bahawa kehendak dan keperluan manusia adalah berbeza mengikut status dan kedudukan seseorang. Justeru, tahap keperluan sesuatu produk atau perkhidmatan tidak terikat kepada satu penentuan. Lebih-lebih lagi ia juga turut berubah mengikut peredaran masa. Salah seorang pengamal mengulas begini:

It is something that relative depending on individual. If you are a clerk, you want to borrow because you want to buy a bungalow. That's not right. You should go for something within your ability. But if you are a CEO, you want to buy a bungalow. That's a necessity. If you buy anything less than that, you will create uncomfortable environment in society. All are relative subject to your ability. To what extent certain consumption can be categorized under *daruriyyat*, *hajjiyyat* or *tahsiniyyat*, definitely it will change depending on who you are and it will also change over time. (P2)

Ini bermakna adalah sukar untuk menanda aras sesuatu penggunaan oleh seseorang individu. Bukan sahaja kehendak dan keperluan manusia berbeza, tetapi juga kemampuan. Oleh sebab itu, aspek kemampuan diri dari sudut kewangan, kesihatan dan sebagainya turut dilihat mengikat penentu ini seperti yang dihujahkan oleh salah seorang pengamal lain.

Kedua-dua hujah di atas bagaimanapun tidak bermakna manusia boleh bertindak sesuka hati sekalipun telah memenuhi syarat kemampuan. Ini ditegaskan oleh salah seorang tokoh agama yang berfahaman pertama dengan mengatakan bahawa keutamaan sesuatu barangan yang diperlukan hendaklah disandarkan kepada hukum sama ada fardu, wajib, sunat, *mubah*, makruh *tanzih*, *makruh tahrimi* atau haram dan bukannya tingkat keperluan. Premis ini perlu dihayati sebaik mungkin agar dapat mencapai matlamat kesederhanaan. Atas dasar ini, penggunaan yang ideal menurut Islam adalah meminimumkan perkara *tahsiniyyat* bagi menghindari perasaan riak dan mendorong kepada berlakunya aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral. Paling utama, sebarang bentuk penggunaan tidak menonjolkan sifat boros dan bakhil. Biarpun terdapat sedikit perbezaan pandangan tentang hal ini, kumpulan berfahaman kedua bagaimanapun tetap mengakui kepentingan penentu ini sebagai pendorong ke arah gelagat penggunaan yang ideal menurut Islam.

Melihat kepada semua perbincangan ini, kesemua item yang diketengahkan diakui tepat untuk berfungsi sebagai PPBMMI. Walau bagaimanapun, keempat-empat item tersebut perlu dimurnikan kembali agar dapat menonjolkan perbandingan antara perkara yang haram dan sunat, antara perkara yang wajib dan haram, antara perkara yang berunsur syubhat dan bebas syubhat, antara keutamaan individu dan masyarakat dan sebagainya. Dengan demikian, penentu ini mampu menilai kepatuhan Muslim dalam urusan perbankan seharian. Daripada perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa penentu intrinsik keempat diwakili oleh empat item iaitu antara perkara haram dan sunat; antara keutamaan individu dan masyarakat; antara

keutamaan produk berunsur syubhat dan bebas syubhat, dan; antara perkara haram dan wajib. Telah digambarkan bahawa para pakar bersepakat tentang kesesuaian tema keempat-empat penentu yang diketengahkan melainkan tema penentu pertama. Justeru ia diubah daripada 'Pertimbangan Halal, Haram dan Syubhat' kepada 'Pertimbangan Halal dan Haram'. Perubahan ini mengambil kira hujah bahawa 'syubhat' tidak termasuk salah satu daripada lima ragam perintah Allah yang diistilahkan sebagai *al-ahkam al-khamsah* yang terdiri daripada hukum: wajib atau fardhu, sunat atau *mandub*, *jaiz* atau *mubah*, makruh dan haram.

Bagi item di bawah penentu intrinsik pertama (PHH), terdapat penambahan dua item baharu iaitu dorongan akidah dan kewajipan Muslim dalam pelaksanaan muamalat. Kedua-dua item ini jelas mempamerkan ciri-ciri pengguna dan mampu membezakan pemilihan antara IPI dan IPK. Item sedia ada pula, iaitu perbezaan ciri-ciri kemudahan perbankan Islam dan konvensional disingkirkan bagi mengelak terjadinya pertindihan maksud dengan dua item sedia ada, iaitu riba dalam produk simpanan dan riba dalam produk pinjaman perumahan. Item riba dalam produk pinjaman perumahan kemudiannya dimurnikan lagi kepada riba dalam produk pinjaman agar dilihat mewakili empat kategori kemudahan perbankan Islam iaitu simpanan, pelaburan, pembiayaan dan perkhidmatan. Dalam masa yang sama, item unsur syubhat dalam kemudahan perbankan dikekalkan. Perubahan ini ditunjukkan dengan lebih jelas oleh Jadual 1.

Jadual 1: Item Bagi Dimensi PHH (Sebelum dan Selepas Maklum Balas Pakar)

Penentu (Dimensi)	Item (Sebelum)	Item (Selepas)
PHH	<ul style="list-style-type: none"> • Riba dalam produk simpanan. • Riba dalam produk pinjaman perumahan. • Perbezaan ciri-ciri kemudahan perbankan Islam dan konvensional. • Unsur syubhat dalam kemudahan perbankan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dorongan akidah. • Kewajipan Muslim dalam pelaksanaan muamalat. • Riba dalam produk simpanan. • Riba dalam produk pinjaman. • Unsur syubhat dalam kemudahan perbankan.

Bagi item di bawah penentu intrinsik kedua (PQ), item kesucian produk dan perkhidmatan telah diubahsuai kepada unsur dosa dan pahala agar memperlihatkan kelainan pengguna yang memilih IPI berbanding IPK. Begitu juga dengan item kualiti perkhidmatan yang diubahsuai kepada nilai keadilan kepada pengguna dan bank. Ia bertujuan mempamerkan ciri-ciri pengguna berbanding ciri-ciri institusi. Bagi item hubung kait jual beli dengan akhirat, ia telah diperincikan kepada tiga item khusus iaitu unsur keberkatan dalam hidup, konsep 'ihsan' dan orientasi ibadah. Perincian ini secara tidak langsung menjelaskan hubung kait antara jual beli dengan agenda ukhrawi secara lebih holistik. Satu-satunya item yang disingkirkan ialah menyegerakan hutang kerana sifatnya yang universal. Dengan kata lain, tuntutan untuk menyegerakan hutang atau paling tidak membayar hutang adalah terpakai kepada kedua-dua keadaan sama ada berurusan dengan kemudahan perbankan Islam atau konvensional. Item sedia ada ini sekali gus tidak mampu membezakan ciri-ciri pengguna antara IPI dan IPK. Perubahan ini ditunjukkan dengan lebih jelas oleh Jadual 2.

Jadual 2: Item Bagi Dimensi PQ (Sebelum dan Selepas Maklum Balas Pakar)

Penentu (Dimensi)	Item (Sebelum)	Item (Selepas)
PQ	<ul style="list-style-type: none"> • Kesucian produk dan perkhidmatan. • Kualiti perkhidmatan. • Hubung kait jual beli dengan akhirat. • Kewajipan menyegerakan hutang. 	<ul style="list-style-type: none"> • Unsur dosa dan pahala. • Unsur keberkatan dalam kehidupan. • Konsep ihsan. • Orientasi ibadah. • Nilai keadilan kepada pengguna dan bank.

Bagi item di bawah penentu intrinsik ketiga (PM), tiga item berikut iaitu kemudahan pembiayaan untuk tujuan membayar hutang lain, budaya berhutang untuk memperolehi sebarang keperluan, dan pemerolehan kad kredit untuk berbelanja mewah jelasnya membawa kepada satu makna iaitu manfaat keuntungan. Oleh kerana ketiga-tiga item ini juga terpakai kepada pengguna yang berurusan dengan IPK, keuntungan yang dimaksudkan di sini perlu diteliti menurut perspektif syarak⁵ selain mempamerkan ciri-ciri pengguna khususnya pengguna IPI. Untuk itu, ketiga-tiga item ini telah disatukan dan dinamakan sebagai pulangan keuntungan dunia dan akhirat. Item amalan menabung berbanding meminjam pula diubahsuai kepada manfaat risiko pelaburan yang dikongsi bersama. Ini dilakukan kerana item sedia ada tidak dapat menunjukkan perbezaan antara pengguna IPI dan IPK. Selain itu, item yang diubahsuai jelas mengandungi ciri-ciri kemudahan perbankan Islam. Dalam masa yang sama, dua item baharu dimasukkan iaitu riba mendatangkan malapetaka dan manfaat aktiviti teras IPI bagi menonjolkan lagi ciri-ciri pengguna IPI berbanding IPK. Perubahan ini ditunjukkan dengan lebih jelas oleh Jadual 3.

Jadual 3: Item Bagi Dimensi PM (Sebelum dan Selepas Maklum Balas Pakar)

Penentu (Dimensi)	Item (Sebelum)	Item (Selepas)
PM	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan pembiayaan peribadi untuk tujuan membayar hutang lain • Budaya berhutang untuk memperolehi sebarang keperluan • Amalan menabung berbanding meminjam • Pemerolehan kad kredit untuk berbelanja mewah 	<ul style="list-style-type: none"> • Pulangan keuntungan dunia dan akhirat. • Riba mendatangkan malapetaka. • Manfaat risiko pelaburan yang dikongsi bersama. • Manfaat aktiviti teras IPI.

Bagi item di bawah penentu intrinsik keempat (PU), tidak banyak perbezaan yang berlaku antara item sebelum dan selepas maklum balas pakar melainkan sedikit pengubahsuaian kepada penggunaan istilah *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Ia bertujuan mengelakkan ketidakfahaman dalam kalangan pengguna yang datang daripada pelbagai latar pendidikan terhadap persoalan yang diutarakan. Untuk itu, tiga item berkaitan iaitu antara keutamaan *daruriyyat* dan *hajiyyat*, antara keutamaan *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* dan antara keutamaan *daruriyyat* dan *tahsiniyyat* diubahsuai kepada antara perkara haram dan sunat, antara keutamaan produk berunsur syubhat dan bebas syubhat dan antara perkara haram dan wajib. Ketiga-tiga item yang diubahsuai ini kemudiannya diperincikan mengikut jenis kemudahan perbankan Islam. Perubahan ini ditunjukkan dengan lebih jelas oleh Jadual 4.

Jadual 4: Item Bagi Dimensi PU (Sebelum dan Selepas Maklum Balas Pakar)

Penentu (Dimensi)	Item (Sebelum)	Item (Selepas)
PU	<ul style="list-style-type: none"> • Antara keutamaan individu dan masyarakat. • Antara keutamaan <i>daruriyyat</i> dan <i>hajiyyat</i>. • Antara keutamaan <i>hajiyyat</i> dan <i>tahsiniyyat</i>. • Antara keutamaan <i>daruriyyat</i> dan <i>tahsiniyyat</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Antara perkara haram dan sunat. • Antara keutamaan individu dan masyarakat. • Antara keutamaan produk berunsur syubhat dan bebas syubhat. • Antara perkara haram dan wajib.

⁵ Hadenan dan Joni Tamkin (2006) telah mengemukakan tiga kesimpulan utama tentang takrifan untung menurut perspektif Islam. Pertama, keuntungan itu terhasil daripada dua unsur pengeluaran utama, iaitu usaha atau perbuatan dan modal. Kedua, kadar untung tidak boleh ditetapkan kepada sesuatu tahap kecuali dalam *bay' al-murabahah*. Ketiga, penambahan ke atas modal tidak dianggap sebagai untung kecuali ditolak keseluruhan kos yang terlibat dalam penghasilan sesuatu keuntungan.

Keseluruhan perbincangan ini telah menggambarkan kepada kita betapa perlunya manusia meletakkan aspek pertimbangan agama sebagai keutamaan dalam menghadapi krisis membuat pilihan. Sesuai dengan sifatnya sebagai agama yang menyeluruh dan suatu cara hidup, Islam menyediakan panduan lengkap untuk menjalani segala bentuk kehidupan termasuk kehidupan berekonomi. Dengan panduan tersebut, manusia tidak hanya mampu menangani krisis pemilihan tetapi juga dapat hidup tenang dan damai sebagai hamba Allah s.w.t. sehingga berjaya mencapai matlamat yang hakiki iaitu keredhaan Allah s.w.t.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil kajian yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan Universiti Sultan Zainal Abidin [UniSZA/11/GU(020)]. Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Sultan Zainal Abidin.

Rujukan

- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. 1990. *Ihya' 'ulum al-din*. Jilid 3. Dimashq: Dar al-Khayr.
- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. 2007. *Bimbingan mu'minin: Pada Mencari Redha Rabbil-'alamin* Syed Ahmad Semait. Terj. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Afzal-ur-Rahman. 1985. *Economic doctrines of Islam*. Ed. ke-3. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Ajila, C. O. 1997. Maslow's hierarchy of needs theory: applicability to the Nigerian industrial setting. *Life Psychologia: an International Journal*. 5 (1), 162-174.
- al-Dahlawi, Ahmad Syah Waliy Allah ibn Abd al-Rahim. 2001. *Hujjat Allah al-balighah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mubarakfuri, Abu al-'Ula Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. t.th. *Tuhfah al-ahwadh bi sharh Jami' al-Tirmidhi*. Jilid. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1998. *Peranan nilai dan akhlak dalam Ekonomi Islam*. Mufti Labib & Arsil Ibrahim. Terj. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2009. *Halal dan haram menurut perspektif Islam*. Abu Jabir Muhammad. Terj. Ed. ke-2. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- al-Zuhaili, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islamiy wa adillatuhu*. Jilid 2. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Atkinson, J. W. 1964. *An Introduction to Motivation*. New York: American Book-Van Nostrand-Reinhold.
- Bargh, J. A. 2002. Losing consciousness: automatic influences on consumer judgment, behavior and motivation. *Journal of Consumer Research*. 29 (2), 280-285.
- Berli, A., Martín, J. D. & Quintana, A. 2004. A model of customer loyalty in the retail banking market. *European Journal of Marketing*. 38 (1/2), 253-275.
- Broussard, S. C. & Garrison, M. E. B. 2004. The relationship between classroom motivation and academic achievement in elementary school-aged children. *Family and Consumer Sciences Research Journal*. 33 (2), 106-120.
- Bruner, J. S. 1966. *Toward a Theory of Instruction*. Cambridge Mass: Harvard University Press.
- Davis, F. D., Bagozzi, et.al. 1989. User Acceptance of Computer Technology: A Comparison of Two Theoretical Models. *Management Science*. 35 (8), 982-1003.
- Deci, E. L. 1975. *Intrinsic Motivation*. New York: Plenum Publishing Co.
- Deci, E. L. Koestner, et.al. 2001. Extrinsic rewards and intrinsic motivation in education: Reconsidered once again. *Review of Educational Research Spring*. 71 (1), 1-27.
- Fauziah Md. Taib, et.al. 2008. Factors influencing intention to use diminishing partnership home financing. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. 1 (3), 235-248.
- Furnham, A., et.al. 1999. Personality and work motivation. *Personal Individual Differ*. 26, 1035-43.

- Guay, F., Chanal, et.al. 2010. Intrinsic, identified, and controlled types of motivation for school subjects in young elementary school children. *British Journal of Educational Psychology*. 80 (4), 711-735.
- Hadenan Towfek & Joni Tamkin Borhan. 2006. *Untung dalam sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harter, S. 1981. A new self-report scale of intrinsic versus extrinsic orientation in the classroom: motivational and informational components. *Developmental Psychology*. 17, 300-312.
- Ibn Hajar, al-'Asqalani, Shihab al-Din Ahmad bin 'Ali bin Hajar. 1989. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Jilid. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kanfer, R & Ackerman, P. L. 2000. Individual differences in work motivation: further explorations of a trait framework. *Applied Psychology: Int. Rev.* 49, 470-82.
- Liu, J., Hu, J. & Furutan, O. 2013. The influence of student perceived professors' "hotness" on expertise, motivation, learning outcomes and course satisfaction. *Journal of Education for Business*. 88 (2), 94-100.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2011. Fiqh kepenggunaan semasa: realiti dan cabaran di Malaysia. *Ucuptama Seminar Hukum Islam Semasa VII*. Universiti Malaysia, 14-15 Disember.
- Maslow, A. H. 1970. *Motivation and personality*. (Ed. ke-2). New York: Harper & Row.
- Mathieson, K. 1991. Predicting user intention: comparing the technology acceptance model with the theory of planned behavior. *Information Systems Research*. 2 (3), 173-191.
- McClelland, D. 1985. *Human Motivation*. New York: Scott, Foresman.
- Mohamad Akram Laldin. 2009. *A Mini guide to Shariah and legal Maxims*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.
- Mohsan, F., Nawaz, et.al. 2012. Action learning: a positive predictor of motivation and commitment for bankers in Pakistan. *International Journal of Business and Management*. 7 (2), 252-259.
- Muhammad Ustman Najat. 2008. *Psikologi Rasulullah s.a.w*. Y. Nuryadi. Terj. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2008. *Akhlak dalam bermuamalat*. Kuala Lumpur: PTS Publications Sdn. Bhd.
- Pintrich, P. R. 2003. A motivational science perspective on the role of student motivation in learning and teaching contexts. *Journal of Educational Psychology*. 95 (4), 667-686.
- Raffini, J. P. 1996. *150 Ways to increase intrinsic motivation in the classroom*. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, et.al. 2011. Pemikiran Fiqh kepenggunaan Islam: satu pengenalan. Kertas yang dibentangkan di *Seminar Hukum Islam Semasa VII*, Universiti Malaysia. 14-15 Disember.
- Ramayah, T. & Mohd. Suki, N. 2006. Intention to use mobile PC among MBA students: implications for technology integration in the learning curriculum. *UNITAR E-Journal*. 1 (2), 1-10.
- Ramayah, T., Jantan, M., Noor, N., Razak, R. C., & Ling, K. P. 2003. Receptiveness of internet banking by Malaysian consumers. *Asian Academy of Management Journal*. 8 (2), 1-29.
- Ramayah, T. et.al. 2005. Determinants of intention to use an online bill payment system among MBA Students. *E-Business*. 9, 80-91.
- Rhodes, R. E. & Courneya, K. S. 2003. Investigating multiple components of attitude, subjective norm and perceived control: an examination of the theory of planned behaviour in the Exercise Domain. *The British Journal of Social Psychology*. 42, 129-146.
- Sarimah Hanim Aman Shah. 2005. *Ekonomi dari Perspektif Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Schiffman, L. G. & Kanuk, L. L. 2004. *Consumer behavior*. (Ed. ke-8). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Shih, Y. Y. & Fang, K. 2004. The Use of decomposed theory of planned behaviour to study Internet Banking in Taiwan. *Internet Research*. 14 (3), 213-223.
- Spaulding, C. L. 1992. *Motivation in the classroom*. New York: McGraw-Hill.

- Stipek, D. J. 1996. Motivation and instruction. dlm. Berliner, D. C. & Calfee, R. C. (Eds.). *Handbook Of Educational Psychology* (85-113). New York: Macmillan.
- Taylor, S. & Todd, P. 1995. Understanding the Information Technology usage: a test of competing models. *Information Systems Research*. 6 (2), 144-176.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fadillah Mansor. 2007. Keperluan motivasi dalam pengurusan kerja berkualiti dari perspektif pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*. 25, 103-124.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik. 1999. Perkaedahan-perkaedahan perundangan Islam: sejarah, pengkategorian, fungsi, kaitan dan asas pembentukan. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zeti Akhtar Aziz. 2011. Landskap kewangan Islam baharu. *Ucuptama Sidang Kemuncak Perisikan Kewangan Islam 2011*. Kuala Lumpur, 15 November.

Temubual

- Dato' Hassan Ahmad, Mufti Pulau Pinang yang juga merupakan Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC). 23 September 2008, 9.00 pagi hingga 10.02 pagi.
- Dato' Md. Hashim Yahaya, Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) yang juga merupakan Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). 24 Oktober 2008, 5.00 petang hingga 6.04 petang.
- Dato' Wan Ismail Wan Yusoh, Pengurus Besar (Hubungan Strategik) Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). 13 Oktober 2008, 11.30 pagi hingga 1.43 petang.
- Encik Badlisyah Abd. Ghani, Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank. 23 Oktober 2008, 12.30 tengahari hingga 1.20 petang.
- Haji Sabar Abd. Rahman, Penasihat Syariah Microlink yang juga merupakan Mantan Naib Presiden Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). 22 Oktober 2008, 10.00 pagi hingga 11.05 pagi.
- Mohd Bakir Mansor, Felo Penyelidik Dalam Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) yang juga merupakan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). 13 Oktober 2008, 10.00 pagi hingga 10.50 pagi.
- Norman Awang, Pengurus Bahagian Pengurusan Kekayaan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). 27 November 2011, 10.00 pagi hingga 11.00 pagi.
- Profesor Dr. Abd. Ghafar Ismail, Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga merupakan Ahli Majlis Penasihat Syariah Standard Chartered. 17 Oktober 2008, 3.45 petang hingga 4.46 petang.
- Profesor Madya Dr. Abd. Mumin Ghani, Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Hong Leong Islamic Bank yang juga merupakan Pensyarah Universiti Malaya. 25 November 2011, 9.00 pagi hingga 10.00 pagi.
- Profesor Madya Dr. Atikullah Abdullah, Pengerusi Rancangan Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM) yang juga merupakan Ahli Majlis Penasihat Syariah Agrobank. 22 September 2008, 9.00 pagi hingga 10.02 pagi.